

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN SAKSIKAN MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA UNITI ASIA TRADING SDN BHD DAN PT PHARMACON INTERNATIONAL TBK INDONESIA

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) yang melibatkan beberapa syarikat di bawah UNITI Asia dan pelbagai agensi dalam dan luar negara telah diadakan pada 2 Oktober 2018 di Menara Arina UNITI, Kuala Lumpur. Tujuan utama majlis ini adalah untuk memperkenalkan dan meningkatkan penjualan produk-produk halal syarikat tempatan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pertukaran dokumen MOU yang pertama adalah diantara Uniti Asia Trading Sdn. Bhd dan PT Millenium Pharmacon International TBK Indonesia.

Uniti Asia Trading Sdn Bhd ialah syarikat yang menjalankan usaha perdagangan antarabangsa dan merupakan sebahagian daripada kumpulan Uniti Asia.

PT Millenium Pharmacon International TBK Indonesia, anak syarikat Pharmaniaga Bhd merupakan pengedar kepada produk berkaitan kesihatan dan farmaseutikal untuk lebih 12,000 cawangan dan rangkaian pelbagai gedung ubatan, farmasi, hospital, pasar raya dan kedai runcit.

Di bawah perjanjian persefahaman ini, PT Millenium Pharmacon International TBK Indonesia akan membantu Uniti Asia Trading Sdn Bhd sebagai penghubung dan pemudahcara kepada Usahawan dan SME dari Malaysia untuk mendaftarkan dan mengedarkan produk mereka di Indonesia. YB Dr. Mohd Hatta b. Md Ramli, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan telah menyaksikan pertukaran dokumen MOU di antara Uniti Asia Trading Sdn. Bhd, yang diwakili oleh YBhg Dato' Aminudin Shuib, Ketua Pegawai Eksekutif dan PT Pharmacon International TBK Indonesia yang diwakili oleh En. Muhamad Muhazni Mokhtar, Pengarah Presiden.